

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PENYAMPAIAN HADIAH KARYA SASTERA  
TAHUN 1971 DI DEWAN TUNKU ABDUL  
RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 15<sup>HB</sup> APRIL,  
1972

Y.B. Encik Hussein,<sup>1</sup> Saudara-saudara sekalian.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penulis-penulis yang karyanya telah terpilih untuk menerima hadiah karya sastra tahun 1971.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa pemberian hadiah kepada karya-karya terpilih yang akan dijalankan tiap-tiap tahun itu akan memberi galakan yang besar kepada para penulis kita. Galakan yang saya maksudkan di sini bukan saja untuk lebih giat menulis tetapi juga yang terutamanya menulis dengan lebih "serious" sehingga menghasilkan karya-karya yang semakin lama semakin tinggi mutunya.

Dalam zaman pembangunan ini, di mana berbagai-bagai perubahan berlaku amat cepat sekali dalam masyarakat maka banyaklah hal-hal yang memberi kesan kepada perasaan, kepercayaan dan pemikiran orang-orang kita. Semua peringkat dan golongan menghadapi cabaran untuk berubah sikap dan pandangan hidup. Oleh yang demikian, kaum penulis terpaksa menjadi "serious" untuk memahami pergolakan dan perkembangan yang hebat ini. Pandangan sambil lalu dan penciptaan karya yang didorong oleh perasaan melulu tidaklah akan besar ertinya.

Saya mendapat tahu banyak penulis-penulis baru muncul dari semasa ke semasa, terutama penulis sajak dan cerita pendek. Tetapi sepanjang pengetahuan saya, sebanyak mana bertambahnya penulis baru demikianlah pula menghilangnya penulis yang muncul terdahulu daripada yang baru itu. Sehingga masa ini payah sekali kita hendak melihat penulis atau sasterawan kita yang tetap menulis hingga ke hari tuanya.

---

<sup>1</sup> Menteri Pelajaran Malaysia.

Salah satu sebabnya, saya rasa, penulis-penulis muda kita bila tiba masanya terpaksa melibatkan diri dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu untuk kehidupan mereka masing-masing. Dan bila seseorang itu telah memegang sejenis pekerjaan, tak dapat tidak ia akan bertanggungjawab dengan tugasnya itu dan ia makin lama makin maju dalam pekerjaannya. Akhirnya ia mendapati dirinya terikat oleh pekerjaan yang begitu banyak dan tanggungjawab yang semakin lama semakin besar. Dengan yang demikian, kesempatannya untuk menulis menjadi bertambah kurang kerana, menurut faham saya, menulis karya-karya kreatif sama besar tanggungjawab dan sama "serious"nya dengan jenis-jenis pekerjaan yang lain juga. Inilah satu hal yang kurang menyenangkan hati saya di samping hal-hal lain yang tentu ada.

Saudara-saudara,

Saya berpendapat penulis yang berbakat sepatutnya mendapat kesempatan untuk menulis dengan "serious" terus-menerus, dan dapat hidup lumayan dengan pekerjaannya itu. Dia tidak harus terpaksa melibatkan diri ke dalam pekerjaan-pekerjaan lain yang akan mengganggu kesempatannya untuk terus-menerus berfikir, meneliti, belajar, mencari pengalaman dan menulis. Keadaan seperti ini belum pernah wujud di negara kita dan dengan kerana itu sudah banyak penulis-penulis kita yang berbakat di masa lalu hilang begitu saja.

Oleh sebab itu banyaklah masalah yang harus kita hadapi pada masa ini dan masa akan datang untuk menimbulkan suatu keadaan atau pun suasana, di mana penulis-penulis yang berbakat dapat terus hidup sebagai penulis. Masalah ekonomi, masalah pelajaran, masalah sikap gemar membaca karya seni di kalangan masyarakat adalah di antara hal-hal penting yang saya rasa harus kita hadapi.

Saya juga mendapat tahu bahawa di samping banyaknya jumlah penulis dan jumlah sajak serta cerita pendek dalam tahun 1971, ada tanda-tanda yang menunjukkan nilai penulisan agak merosot.

Dan yang lebih jelas merosotnya ialah bilangan novel yang diterbitkan. Ini pun, di antara lain, pada pandangan saya, disebabkan oleh masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, yakni kekurangan kesempatan bagi penulis untuk menulis dengan "serious" supaya benar-benar mendalami tema karya mereka. Dengan lain

perkataan, kurangnya kesempatan bagi penulis-penulis yang sibuk mencari nafkah hidup untuk mengasah bakat mereka dengan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Di samping itu, seperkara yang utama juga ialah kurangnya selera pembaca terhadap karya-karya sastera sehingga menyebabkan para penerbit tidak berani menerbitkannya kerana bimbang tidak ada pasaran yang memuaskan.

Sungguhpun demikian, kepada para penulis amnya dan badan-badan penulis khasnya, saya ingin menyatakan rasa penghargaan atas kegiatan mereka yang bergiat terus dalam keadaan apa pun, dan aktif bergerak memajukan kesusasteraan kita. Saya memberi jaminan bahawa fikiran mereka akan didengar dan cadangan-cadangan mereka yang munasabah dan membina akan diambil perhatian sepenuhnya.

Saudara-saudara,

Pada pertengahan tahun 1971 lalu, saya telah menubuhkan dua badan iaitu Penal Hadiah Sastera dan Penal Penasihat Sastera. Masing-masing badan ini bertanggungjawab langsung kepada saya. Saya berharap dengan cara demikian, saya dapat mengetahui sepenuhnya keadaan kesusasteraan kita, kemajuan atau kemundurannya, dari semasa ke semasa.

Saya amat berterimakasih kepada Tan Sri Ghazali Shafie,<sup>2</sup> Pengerusi Penal Hadiah Sastra, serta tiap-tiap seorang anggota Penal itu yang telah berkhidmat sepanjang masa mulai September tahun lalu hingga sekarang untuk menyemak dan menilai karya-karya sajak dan cerita pendek, yang begitu banyak jumlahnya. Demikian juga karya-karya novel dan drama yang diterbitkan dalam tahun 1971. Hasil dari usaha-usaha mereka itulah kita berhimpun di sini malam ini untuk mengetahui dan berkenal muka dengan penulis-penulis yang berjaya.

Saya juga berterimakasih kepada Encik Hussein Onn, Menteri Pelajaran, Pengerusi Penal Penasihat Sastera yang dengan kebijaksanaanannya telah membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi pusat kegiatan pentadbiran Penal Hadiah Sastera dan juga menggunakan sedikit peruntukan wang Dewan itu untuk Hadiah Sastera tersebut. Terimakasih ini saya sampaikan juga kepada

---

<sup>2</sup> Menteri Penerangan dan Tugas-tugas khas.

Ketua Pengarah dan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa kerana memanglah Dewan Bahasa dan Pustaka ditugaskan, antara lain, untuk memajukan kesusasteraan Malaysia.

Saudara-saudara,

Pada malam ini, saya telah juga menjemput orang-orang dari gulungan bukan penulis dengan maksud hendak menarik perhatian mereka itu, terutama para pegawai dan cerdik pandai, supaya memberi perhatian kepada kesusasteraan kita. Sudah sewajarnya tiap-tiap gulungan mana pun dalam masyarakat ini mengikuti perkembangan serta memberi penghargaan kepada kesusasteraan kita. Betapa tinggi sekali pun nilai kesusasteraan asing namun ia tidak mencerminkan kehidupan, cara berfikir, harapan dan hasrat cita-cita bangsa kita sendiri. Melalui kesusasteraan nasional kita dapat melihat dan merasa apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat yang dialami dan dicita-citakan oleh bangsa kita. Bagi para pegawai dan cerdik pandai khasnya, saya rasa hal ini sangat penting kerana merekalah yang langsung berhadapan dengan tugas-tugas membangun bangsa ini.

Saya tidak bermaksud bercakap panjang dalam majlis ini. Lebih eloklah kesempatan ini kita gunakan untuk beramah mesra dan kenal mengenal. Dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para penulis yang karyanya telah terpilih untuk tahun 1971.